

PERANAN RAJA-RAJA MELAYU SEBAGAI KETUA AGAMA ISLAM NEGERI DALAM KONTEKS PERUNDANGAN DI MALAYSIA: ANALISIS TERHADAP ISU PENGURUSAN MASJID DAN ZAKAT DI SELANGOR

Zanariah Dimon

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: zanariah@kuis.edu.my.

Abstrak

Agama Islam telah diperuntukkan sebagai agama bagi Persekutuan Malaysia berdasarkan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Perkara 3 tersebut turut memperuntukkan institusi beraja sebagai salah satu aspek utama berkaitan kedudukan agama Islam di Malaysia. Perlembagaan Persekutuan menetapkan raja-raja Melayu sebagai ketua agama Islam bagi negeri-negeri Melayu beraja, sementara Yang di-Pertuan Agong bertindak sebagai wakil bagi negeri-negeri tidak beraja dalam hal ehwal agama Islam. Kuasa raja-raja Melayu sebagai ketua agama Islam melibatkan tanggungjawab menjaga kesucian agama Islam dan adat istiadat Melayu di peringkat negeri. Terdapat tiga institusi utama yang membantu dan menasihati raja-raja Melayu serta berperanan sebagai pihak berkuasa utama dalam hal ehwal agama Islam, pentadbiran keadilan, dan hukum syarak iaitu Majlis Agama Islam, Mahkamah Syariah, dan Mufti. Walau bagaimanapun, baru-baru ini di negeri Selangor, banyak pihak mencetuskan pelbagai isu berkaitan agama Islam khususnya berkaitan pengurusan masjid dan zakat. Isu-isu tersebut seperti keperluan sijil pentauliahkan sebagai penceramah agama di masjid, larangan penceramah politik di masjid, dan isu agihan zakat kepada bukan Islam. Oleh itu, artikel ini memberikan penekanan kepada peranan raja-raja Melayu sebagai ketua agama Islam dalam konteks perundangan di Malaysia dengan tumpuan kepada peranan Sultan Selangor dalam menangani isu-isu pengurusan masjid dan zakat di negeri Selangor. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Data dianalisis secara deskriptif dan analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam perundangan di Malaysia, raja-raja mempunyai peranan yang sangat penting dan dijamin kedudukannya sebagai ketua agama Islam. Peranan ini mencerminkan kuasa dan tanggungjawab raja-raja terhadap agama Islam di peringkat negeri dan menggambarkan kepentingan peranan serta status turun temurun raja-raja dalam menjaga dan mempertahankan agama Islam agar sentiasa selamat, terpelihara, dan dihormati dalam pelbagai keadaan.

Kata kunci: Raja-raja Melayu, Sultan, Penjaga agama Islam, masjid, zakat

(THE ROLE OF THE MALAY RULERS AS THE STATE ISLAMIC CUSTODIAN IN THE LEGAL CONTEXT IN MALAYSIA: ANALYSIS OF THE ISSUES OF MOSQUES AND ZAKAT MANAGEMENT IN SELANGOR)

Abstract

Islam is designated as the religion of the Federation of Malaysia based on Article 3(1) of the Malaysian Constitution. The aforementioned Article also designates the monarchy institution as a core matter in regards to the position of Islam in Malaysia. The Federal Constitution has established the Malay Rulers as the Custodians of Islam for the states with a monarchy, while His Majesty Yang Di Pertuan Agong acts as the representative of states without kings on matters pertaining to Islam. The power of the Malay Rulers as the custodian of Islam includes the responsibility to preserve the sanctity of Islam and the Malay traditional heritage at the state level. Three institutions have the role of assisting and advising the Sultan and act as the authority in Islamic affairs, the administration of justice and sharia rulings, which are the Islamic Religious Council, the Sharia Court and the Mufti. Lately, however, there have been various parties who raised issues related to Islam especially in masjid and zakat management. The issues include the need for credential certification for religious preachers in mosques, the prohibition of political talks in mosques, and on the distribution of zakat to non-Muslims. This article will highlight the role of the Malay Rulers as the Custodian of Islam in the context of legal in Malaysia and focus in solving issues pertaining to mosques and zakat in Selangor. The method of data collection is library research and document analysis. The data were analysed descriptively and based on content. The study shows that in the legislation in Malaysia, the Malay Rulers have a very important role as the Custodian of Islam. This role depicts the absolute power and responsibility of the Sultan on Islam at the state level. It shows the importance of the inherited role of the Sultan in preserving Islam in any condition.

Keywords: *Malay Rulers, Sultan, Custodian of Islam, mosque, zakat*

Received: Oct 26, 2023

Accepted: Dec 12, 2023

Online Published: Dec 31, 2023

1. Pendahuluan

Sistem pemerintahan beraja melalui Kesultanan Raja-raja Melayu merupakan suatu sistem yang memiliki unsur-unsur tradisional dan unik dalam konteks sejarah Malaysia. Sistem ini berpusat pada institusi kesultanan iaitu seorang Sultan atau raja adalah pemimpin utama dalam sesebuah negeri. Kesultanan ini merupakan kesinambungan dari kerajaan-kerajaan Melayu tradisional yang telah ada sejak zaman dahulu. Pada zaman kesultanan Melayu tersebut, kuasa dan pemerintahan Sultan atau raja adalah cukup besar dan luas. Raja-raja Melayu tidak hanya memiliki kuasa berkaitan perkara-perkara berhubung Islam dan adat orang-orang Melayu, tetapi juga dalam aspek pemerintahan dan pentadbiran negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, pengasingan kuasa yang diakibatkan oleh campur tangan Inggeris dalam pemerintahan dan pentadbiran negeri Melayu melalui pelantikan residen

adalah satu perubahan signifikan dalam sejarah Malaysia semasa zaman penjajahan Inggeris. Perubahan ini melibatkan pergeseran kuasa dari pihak pemerintah tradisional Melayu, seperti raja-raja dan aristokrasi Melayu, kepada pihak pemerintah kolonial Inggeris yang memberi kesan besar kepada kuasa raja-raja Melayu pada masa itu.

Sejarah membuktikan walaupun pada awalnya, penjajahan Inggeris di Tanah Melayu berlangsung melalui sistem perjanjian, iaitu Inggeris membuat perjanjian dengan pemerintah setempat untuk memastikan perlindungan terhadap kepentingan ekonomi dan politik mereka. Namun, seiring berlalunya waktu, Inggeris semakin mengukuhkan kedudukan mereka dengan campur tangan dalam urusan negeri melalui pelantikan residen. Residen adalah seorang pegawai British yang ditempatkan di negeri-negeri Melayu sebagai wakil pemerintah kolonial. Pelantikan residen ini memberi kesan besar kepada kuasa raja-raja Melayu. Ini kerana residen memainkan peranan penting dalam membuat keputusan pentadbiran, ekonomi, dan politik di negeri tersebut. Pentadbiran negeri-negeri Melayu ketika itu terletak di tangan residen dan pemerintah kolonial Inggeris. Keadaan ini menyebabkan berlaku perubahan struktur pentadbiran dan pengaruh politik di Tanah Melayu dan menyebabkan pergeseran dalam sistem politik dan sosial serta mengurangkan kuasa raja-raja.

Situasi ini berlanjutan sepanjang zaman penjajahan Inggeris dengan berbagai peristiwa kebangkitan orang Melayu melawan penjajahan, bertujuan untuk mengembalikan kuasa raja-raja dan mencapai kemerdekaan Tanah Melayu dari pemerintahan Inggeris. Selepas Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957, sistem raja-raja ini diteruskan dengan penyesuaian mengikut konsep raja berperlembagaan, yang berpandukan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kuasa raja-raja terus dikekalkan dengan ruang yang terhad, sebagaimana ketika zaman penjajahan Inggeris, dan berkait rapat dengan isu-isu agama. Dalam kerangka pemerintahan Malaysia yang beraja, raja-raja Melayu memainkan peranan penting dalam bidang agama Islam di peringkat negeri. Mereka bukan hanya sebagai ketua negara yang memegang tanggungjawab dalam aspek politik, tetapi juga berperanan sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing. Artikel ini akan membincangkan peranan dan tanggungjawab raja-raja Melayu sebagai Ketua Agama dalam konteks perundangan di Malaysia dan memfokuskan kepada penyelesaian isu-isu berkaitan masjid dan zakat di negeri Selangor melalui kuasa Sultan Selangor sebagai ketua agama Islam di negeri tersebut.

2. Metodologi

Kertas kerja ini disusun berdasarkan kajian kualitatif. Data dikumpulkan melalui kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Dokumen-dokumen yang digunakan melibatkan sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah dokumen-dokumen berkaitan perundangan atau statut. Sementara, sumber sekunder melibatkan dokumen seperti artikel, buku, jurnal, akhbar, laman sesawang, dan kajian-kajian lepas. Data dianalisis secara deskriptif dan analisis kandungan untuk mencapai objektif penulisan artikel ini.

3. Dapatan dan Perbincangan

3.1 Kedudukan Raja-raja Melayu dalam Perlembagaan

Sejarah Kesultanan Melayu Melaka memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk landskap politik dan sosial di rantau ini. Pengislaman Parameswara dan pelantikan beliau sebagai Raja Melaka dengan gelaran "Megat Iskandar Syah" menandakan pengenalan Islam sebagai agama rasmi dalam kerajaan Melaka pada tahun 1400 masehi. Dengan perkembangan Islam di negeri tersebut, pemerintahan institusi beraja di Melaka mula dipengaruhi oleh nilai dan prinsip Islam. Ini termasuk sistem undang-undang, pentadbiran, dan kebijaksanaan politik yang diambil dari ajaran Islam. Kuasa pemerintahan beraja ketika itu diperkukuhkan dengan konsep dan tatacara pemerintahan negara berteraskan ajaran Islam (Bharudin Che Pa. 2012). Pengislaman negeri Melaka telah mempengaruhi kesultanan negeri-negeri Melayu lain seperti Pahang, Kedah dan Johor melalui sistem pemerintahan berasaskan Islam dan penggubalan undang-undang Islam seperti Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Pahang, Undang-undang 99 Perak dan sebagainya. Pada masa itu, raja-raja menguasai sepenuhnya pentadbiran dan pemerintahan baginda diberi sokongan oleh para pembesar negeri yang berperanan dalam memberi nasihat dan melaksanakan keputusan pemerintah. Sistem pemerintahan ini mencerminkan prinsip-prinsip kesultanan Islam yang menggabungkan kuasa politik dan agama dalam satu kesatuan.

Selanjutnya, pada permulaan penguasaan Inggeris di Tanah Melayu, Raja-raja mempunyai kuasa dalam pemerintahan dan pentadbiran negeri. Pada ketika ini, kedudukan undang-undang Islam juga mencapai tahap kegemilangannya di Tanah Melayu dan diiktiraf sebagai undang-undang utama. Kes *Ramah lwn. Laton (1927) 6 FMSLR 128* memainkan peranan penting dalam menetapkan kedudukan undang-undang Islam di Tanah Melayu pada zaman tersebut. Menerusi kes tersebut, mahkamah mengiktiraf pemakaian undang-undang Islam sebagai undang-undang utama di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, dengan perubahan yang berlaku pada peringkat awal penjajahan Inggeris dan pengenalan undang-undang sivil di Tanah Melayu, had bidang kuasa undang-undang Islam yang dimaksudkan dalam keputusan tersebut terhadap kepada aspek undang-undang diri dan prosedural sahaja, tidak merangkumi keseluruhan undang-undang Islam (Nazri & Ahmad Hidayat, 2017).

Namun demikian, kuasa Raja-raja dalam pemerintahan negeri mula berkurang apabila pihak Inggeris melantik residen, seorang pegawai British yang bertanggungjawab memberi nasihat kepada Sultan berkaitan pentadbiran dan pemerintahan negeri, kecuali hal ehwal agama Islam dan adat istiadat orang-orang Melayu (Nazri Muslim, 2014). Mengikut Wan Ahmad Fauzi et al. (2017), berdasarkan keputusan hakim dalam kes *Che Omar b. Che Soh lwn. Public Prosecutor (1988) 2 MLJ 55*, sebelum kedatangan penjajah Inggeris di Tanah Melayu, Raja-raja Melayu dianggap sebagai 'wakil Allah di atas bumi' (*God's vicegerent*). Mereka diberi tanggungjawab untuk mentadbir pemerintahan mengikut hukum yang diwahyukan oleh Allah SWT dan menegakkan undang-undang tersebut. Malangnya, konsep ini mudah ditolak dengan pengenalan doktrin nasihat melalui pelantikan Residen semasa penjajahan Inggeris, yang pada masa yang sama mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu dalam pentadbiran di peringkat negeri-negeri.

Pembatasan kuasa Raja-raja tersebut serta kuasa Residen dalam pentadbiran negeri berlangsung secara berterusan sehingga Malayan Union ditubuhkan pada tahun 1946 di Tanah Melayu (Salleh Abas, 1985). Walau bagaimanapun, akibat penentangan yang dilakukan oleh orang-orang Melayu terhadap penubuhan Malayan Union, ia akhirnya dibubarkan dan ditubuhkan pula Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, kuasa Raja-raja telah dipulihkan dan diperkukuhkan melalui prinsip raja berperlembagaan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957.

Berdasarkan prinsip raja berperlembagaan dalam Perlembagaan Persekutuan, raja-raja Melayu perlu menerima nasihat dari Menteri dan bertindak sesuai dengan nasihat tersebut. Walau bagaimanapun, nasihat tersebut perlu selaras dengan peruntukan Perlembagaan (Nazri Muslim, 2014). Menurut konsep raja berperlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong (YDPA) mempunyai kuasa untuk mentadbir Persekutuan, dan Baginda dikehendaki bertindak mengikut nasihat Kabinet. Yang di-Pertuan Agong harus dipilih daripada kalangan Sultan dari sembilan Negeri Melayu. Di peringkat negeri pula, mengikut Perlembagaan Negeri, seorang Sultan berperanan sebagai Ketua Negeri dan memegang kuasa eksekutif negeri. Walau bagaimanapun, kuasa tersebut perlu dilaksanakan berdasarkan nasihat Menteri Besar atau Majlis Mesyuarat Negeri.

Sistem beraja yang diamalkan di Malaysia tidak dapat dipisahkan dari agama Islam. Perlembagaan Persekutuan sendiri menunjukkan betapa agama Islam sangat penting di sisi raja-raja. Pelembagaan menetapkan bahawa raja-raja Melayu adalah ketua agama Islam dalam negeri baginda, sebagaimana diwartakan dalam Perlembagaan Negeri yang berkaitan. Sementara Yang di-Pertuan Agong pula menjadi ketua agama Islam dalam negeri-negeri yang tidak memiliki institusi beraja dan di Wilayah Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong juga memegang tanggungjawab sebagai ketua agama Islam dalam negeri baginda (Mahamad Arifin et al., 2007). Ini menunjukkan bahawa walaupun tidak ada ketua agama Islam di peringkat Persekutuan, peranan Yang di-Pertuan Agong dalam menjaga agama Islam di Malaysia melibatkan tanggungjawab sebagai pemimpin tertinggi negara yang diiktiraf di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagai Ketua Negara, YDPA bertanggungjawab memastikan pelaksanaan prinsip-prinsip Islam dalam institusi dan dasar-dasar negara, serta memberikan sokongan dan inspirasi kepada komuniti Muslim. Tugas ini termasuk memimpin upacara-upacara keagamaan di peringkat Persekutuan, memberikan arahan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan agama Islam dan menyokong pembangunan infrastruktur keagamaan. Peranan Yang di-Pertuan Agong adalah penting dalam mengekalkan dan memajukan kestabilan serta kemajuan agama Islam di Malaysia.

Sesungguhnya, hubungan yang kuat di antara raja-raja dan agama Islam adalah lanjutan dari sejarah penglibatan raja-raja dalam perkembangan agama Islam semasa Kesultanan Melayu. Raja-raja Melayu memainkan peranan penting sebagai pemimpin negara, diiktiraf sebagai pemilik kerajaan yang mendaulatkan citra Islam dan melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara berdasarkan syariat Allah SWT (Bharuddin Che Pa, 2005). Hal ini disebabkan oleh fakta bahawa raja, Perlembagaan, dan Islam membentuk elemen unik yang mencerminkan kewibawaan agama Islam dan membezakannya dengan negara-negara lain di dunia (Kassim Thukiman et al., 2009). Kuasa undang-undang Islam juga terhad kepada apa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan, khususnya yang melibatkan bidang kuasa Negeri dalam urusan agama Islam dan hukum syarak. Pengasingan

bidang kuasa undang-undang di antara Persekutuan dan Negeri juga jelas, dengan pentadbiran agama Islam diiktiraf sebagai hak eksklusif negeri-negeri menurut undang-undang Malaysia (Muhammad Ikhlas et al., 2013).

3.2 Peruntukan Ketua Agama Islam Menurut Undang-undang

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa: “Islam adalah agama bagi Persekutuan; namun agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”. Walau bagaimanapun, pengiktirafan Islam sebagai agama bagi Persekutuan tidak menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang utama di peringkat Persekutuan. Sebaliknya, urusan berkaitan pentadbiran dan perundangan Islam adalah dalam bidang kuasa negeri-negeri dan tiada ketetapan mengenai pelantikan seorang ketua agama Islam bagi seluruh Persekutuan (Hamid Jusoh, 1992).

Berikutan itu, semua Perlembagaan Negeri juga telah menetapkan bahawa Islam adalah agama negeri, dan Raja atau Sultan berperanan sebagai ketua agama Islam bagi sembilan negeri Melayu beraja iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Perak, Selangor, Terengganu, Negeri Sembilan, dan Perlis (Zaini Nasohah, 2018). Manakala, bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja seperti Pulau Pinang, Melaka, Sabah, dan Sarawak, Yang di-Pertuan Agong akan berperanan sebagai Ketua Agama Islam (Shamrahayu A. Aziz, 2013). Peruntukan yang menggariskan kedudukan ketua agama Islam di peringkat negeri dalam Perlembagaan Persekutuan dapat dinyatakan dengan jelas seperti berikut:

Perkara 3(2):

Dalam tiap-tiap Negeri melainkan Negeri-negeri yang tidak mempunyai raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan juga, tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak, kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Sultan supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang Di Pertuan Agong mewakilinya.

Perkara 3(3):

Perlembagaan-perlembagaan bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang Di Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua Agama dalam Negeri itu.

Perkara 3(5):

Walaupun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini. Yang Di Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dalam Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal ehwal

agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang Di Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan agama Islam.

Sementara di peringkat negeri-negeri pula, peruntukan yang sama mengenai pelantikan seorang ketua agama bagi negeri-negeri tersebut dinyatakan dalam undang-undang negeri berkenaan iaitu dalam Undang-undang Tubuh negeri-negeri berkenaan. Sebagai contoh, Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959 memperuntukkan:

“Duli Yang Maha Mulia hendaklah menjadi Ketua Agama negeri dan Duli Yang Maha Mulia boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama dan bagi penubuhan suatu Majlis Agama Islam untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia dalam semua perkara yang berhubung dengan agama Negeri”.

Peruntukan yang sama di negeri Pahang iaitu Perkara 24(1), Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang 1959, iaitu:

“Ketua Agama Negeri hendaklah Raja Pemerintah dan Raja Pemerintah dari satu masa ke satu masa, boleh mengeluarkan perintah supaya diadakan lagi apa-apa undang-undang sebagaimana yang patut bagi maksud mengatur hal ehwal agama dan bagi menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam bagi menolong dan menasihatkan Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai agama Islam dan adat resam Melayu”.

Begitu juga Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959, Perkara 6(2) menyatakan,

“Pada menjalankan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa Ketua Agama Islam dalam negeri ini, duli Yang Maha Mulia hendaklah mendapat persetujuan undang yang empat”.

Sehubungan itu, raja-raja atau Sultan bertanggungjawab untuk menjalankan peranan sebagai ketua agama Islam bagi negeri masing-masing berdasarkan undang-undang. Raja-raja akan dibantu dan dinasihati oleh Majlis Agama Islam Negeri. Sebagai contoh di Selangor, satu Majlis yang dikenali sebagai Majlis Agama Islam Selangor ditubuhkan untuk memberikan nasihat kepada Sultan Selangor berhubung hal ehwal pentadbiran agama Islam (Seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003). Sama juga dengan negeri-negeri lain yang memberikan kuasa kepada Majlis Agama Islam negeri-negeri untuk membantu dan memberikan nasihat kepada Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam, kecuali dalam hal keadilan dan hukum syarak.

Lebih daripada itu juga, raja-raja tidak hanya terlibat dalam aspek pentadbiran agama Islam, tetapi juga memegang kuasa dalam bidang kehakiman Islam (Mashitoh & Mohd Al Adib, 2017). Perkembangan sejarah telah menunjukkan bahawa peranan raja-raja dalam menjaga dan mempertahankan agama Islam telah wujud sejak zaman dahulu,

terutamanya semasa pemerintahan kesultanan Melayu sebelum penjajahan Inggeris (Hairuddin & Che Asiah, 2008).

Maka, dapat disimpulkan bahawa peranan raja-raja dalam pentadbiran agama Islam bagi negeri masing-masing, adalah selaras dengan prinsip kehakiman dalam Islam atau *al-Sultah al-Qada'iyah* sebagai ketua negara atau khalifah dalam pemerintahan negara (Abdul Monir. 2015). Oleh itu, salah satu tanggungjawab utama raja-raja adalah menjaga kebajikan umat Islam dan memelihara kesucian agama Islam di peringkat negeri masing-masing. Tugas-tugas penting bagi pemerintah atau raja adalah bagi menegakkan nilai-nilai Islam. Selain itu juga, tugas-tugas lain adalah seperti memastikan kesucian agama Islam mengikut prinsip al-Quran, al-Sunnah, dan ijmak ulama, melaksanakan hukuman untuk mencapai keadilan di antara individu yang bertikai, serta menjaga kesejahteraan rakyat dan kedaulatan negara (Muhammad Ikhlas et al. 2018).

3.3 Peranan Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam

Selangor, sebagai salah satu daripada negeri-negeri beraja dalam kumpulan Negeri-negeri Melayu di Malaysia, mengamalkan dasar monarki atau pewarisan iaitu raja memegang kuasa mutlak. Sultan Selangor berkuasa sebagai ketua agama Islam bagi negeri Selangor berdasarkan undang-undang. Ia jelas diperuntukkan dalam seksyen 3, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (EPAI Selangor), bahawa:

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di dalam Negeri Selangor sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, 1959.

Manakala menurut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dalam Bab 1- Agama Negeri, menyatakan bahawa:

Duli Yang Maha Mulia hendaklah menjadi Ketua Agama Negeri dan Duli Yang Maha Mulia boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama dan bagi penubuhan suatu Majlis Agama Islam yang dalam bahasa Inggeris hendaklah dikenali sebagai "*Council of Religion of Islam*" untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama.

Dengan itu, berdasarkan undang-undang di negeri Selangor, peranan Sultan Selangor sebagai ketua agama Islam di negeri tersebut membuktikan tanggungjawab Sultan dalam menjamin kesucian agama Islam dan menjaga kesejahteraan umat Islam di negeri Selangor. Ia jelas menunjukkan bahawa kedaulatan Islam di negeri-negeri, terutamanya disokong oleh fakta bahawa bidang kuasa undang-undang Islam adalah kuasa eksekutif negeri (Zaini Nasohah, 2004). Tambahan pula, undang-undang berkenaan menetapkan bahawa Sultan, semasa melaksanakan peranan sebagai Ketua Agama, mempunyai hak untuk melantik sebuah majlis sebagai penasihat. Di Selangor, terdapat penubuhan Majlis Agama Islam untuk menjalankan fungsi tersebut, yang bertanggungjawab membantu dan memberi

nasihat kepada Sultan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Majlis ini merupakan pihak berkuasa utama selepas Sultan dalam menguruskan hal ehwal agama Islam.

Seterusnya, institusi-institusi agama di peringkat negeri seperti Majlis Agama Islam, jabatan agama, mufti, hakim syarie, dan sebagainya adalah berada di bawah kuasa Raja atau Sultan (Abdul Aziz Bari, 2005). Walaupun demikian, kuasa dalam undang-undang Islam ini terhad, kerana ia hanya boleh dikenakan ke atas orang Islam, dalam bidang kuasa tempatan, dan hanya melibatkan bidang tertentu seperti undang-undang diri dan keluarga. Berkaitan dengan undang-undang jenayah bagi orang Islam, ianya hanya boleh dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada negeri untuk menggubal undang-undang tersebut bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan orang Islam (Tajul Aris Ahmad Bustami, 2005). Oleh itu, dalam konteks ini, kuasa Sultan Selangor sebagai ketua agama Islam hanya melibatkan perkara-perkara berkaitan dengan hal ehwal agama Islam, pentadbiran keadilan dan kehakiman Islam, serta perkara-perkara hukum syarak dan adat istiadat Melayu di peringkat negeri. Peranan Sultan sebagai ketua agama Islam ini melibatkan tanggungjawab utama dalam mengawasi dan memastikan kestabilan hal ehwal agama Islam di negeri Selangor bagi mengekalkan kesucian agama Islam dan memberikan sokongan kepada pembangunan masyarakat Islam di negeri Selangor.

3.4 Peranan Sultan Berkaitan Pengurusan Masjid dan Zakat di Selangor

Peranan Sultan Selangor dalam pentadbiran agama Islam di negeri Selangor adalah sangat penting. Baginda berfungsi sebagai pihak berkuasa utama yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran agama Islam. Sultan berkuasa memperkenan pelantikan penjawat awam untuk institusi agama Islam di peringkat negeri, termasuk ahli-ahli Majlis Agama Islam negeri, pengarah Jabatan Agama Islam, Mufti, Ketua Hakim Syarie, Hakim-Hakim Mahkamah Syariah, dan Ketua Pendakwa Syarie. Apabila timbul isu-isu berkaitan agama Islam di negeri Selangor, Sultan Selangor biasanya sangat prihatin dan memberi titah berhubung isu-isu tersebut, bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan dan kegelisahan yang mungkin berpanjangan dalam kalangan umat Islam di negeri Selangor. Oleh itu, bahagian ini akan menekankan peranan Sultan Selangor dalam menangani isu-isu berkaitan dengan institusi masjid dan zakat di negeri Selangor.

3.4.1 Isu-isu Pengurusan Masjid

Peranan dan kuasa Sultan Selangor sebagai ketua agama Islam adalah sangat signifikan, terutama dalam pengurusan dan pembangunan masjid dan surau di negeri. Baginda mendapat nasihat daripada Majlis Agama Islam Selangor yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi masjid dan surau di negeri Selangor (Seksyen 96, EPAI Selangor). Selain itu, Sultan Selangor juga memainkan peranan penting dalam menyumbangkan kepada inisiatif kemasyarakatan melalui masjid dan surau. Ini termasuk menyokong program-program sosial, penyampaian bantuan kemanusiaan, dan menjalankan projek-projek pembangunan komuniti yang memberikan manfaat kepada masyarakat setempat. Justeru, masjid dan surau di negeri bukan sahaja sebagai pusat ibadah bagi orang Islam, tetapi berfungsi juga sebagai

tempat untuk membangun dan menyatukan masyarakat di bawah nilai-nilai keagamaan yang diterapkan.

Oleh itu, beberapa permasalahan berkaitan pengurusan masjid yang melibatkan kuasa dan peranan Sultan Selangor sebagai ketua agama adalah seperti berikut:

i. Keperluan Tauliah Pengajaran Agama di Masjid dan Surau

Tauliah, atau kebenaran mengajar agama, merujuk kepada keizinan yang diberikan oleh pihak berkuasa agama negeri kepada mana-mana individu yang mempunyai keperluan untuk menyampaikan ajaran agama atau menjalankan tugas tertentu yang mempunyai kaitan dengan masjid seperti menjadi imam, membaca khutbah, mengajar, memberi ceramah, bertindak sebagai jurunikah, dan lain-lain (Muhammad Helmi & Mohammad Husni, 2016). Pada masa kini, semua negeri telah menetapkan undang-undang yang mensyaratkan individu yang ingin memberikan ceramah atau menyampaikan ilmu di masjid dan surau untuk memperoleh sijil tauliah kelayakan mengajar agama daripada Majlis agama Islam negeri yang berkaitan (Zanariah et al. 2022). Melalui undang-undang ini, majlis agama Islam negeri memiliki kuasa untuk menubuhkan Jawatankuasa Tauliah.

Oleh itu, Sultan Selangor sangat mengambil berat dengan isu pentauliah dan sentiasa menegaskan bahawa individu yang berhasrat untuk menyampaikan ajaran agama di negeri Selangor wajib memperoleh tauliah daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk memastikan kebenaran dakwah dan mengelakkan penyebaran ajaran sesat (Sinar Harian, 2023). Berikutan itu, Jawatankuasa Tauliah MAIS telah menguatkuasakan peraturan-peraturan tauliah yang termaktub di bawah Seksyen 118 (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 yang mengandungi hukuman bagi kesalahan mengajar agama Islam tanpa tauliah.

ii. Pengurusan Masjid sebagai Pusat Penyatuan dan Perpaduan Orang Islam

Masjid dan surau adalah tempat ibadat bagi orang Islam terutamanya sebagai tempat mengerjakan sembahyang fardu dan sunat secara berjemaah. Dalam konteks perundangan Islam, masjid ditafsirkan dalam seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 sebagai suatu bangunan yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam. Tafsiran masjid ini adalah termasuk mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu. Tempat ibadat bagi orang Islam seperti masjid dan surau adalah menjadi urusan hal ehwal agama Islam di peringkat negeri berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Majlis agama Islam negeri adalah sebagai pemegang amanah tunggal bagi mengurus dan mentadbir masjid di setiap negeri.

Justeru, masjid dan surau bukan sahaja menjadi tempat ibadat bagi orang Islam, tetapi ia juga adalah lambang perpaduan dan kesatuan umat Islam seluruhnya. Masjid seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua umat Islam dengan melalui pelbagai aktiviti bermanfaat yang dijalankan di masjid-masjid seluruh negeri. Dalam konteks ini, Sultan Selangor memberikan arahan kepada pengurusan Masjid di seluruh Selangor untuk

memainkan peranan utama dalam menjaga imej dan reputasi baik institusi masjid. Selain itu, bagi melaksanakan arahan ini, masjid-masjid di seluruh negeri Selangor perlu mengemaskini fasiliti mereka dengan menyediakan peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk merekod dan memantau aktiviti yang mungkin mencetuskan fitnah atau memberikan impak negatif dan berpotensi untuk memecah belahkan umat Islam tempatan di negeri Selangor khususnya (Berita Harian, 2023).

3.4.2 Isu-isu Zakat

i. Bayaran Zakat kepada Lembaga Zakat Selangor

Pengurusan zakat di negeri Selangor dijalankan melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS). LZS memainkan peranan utama dalam merangka dan melaksanakan strategi efektif untuk mengumpul dana zakat dari masyarakat setempat. Proses pengurusan ini tidak hanya melibatkan kutipan zakat dari masyarakat, tetapi juga melibatkan penentuan secara cermat dalam mengagihkan zakat kepada asnaf yang memerlukan. Melalui penyelenggaraan yang teliti dan telus, LZS bertanggungjawab dalam memastikan setiap ringgit zakat disalurkan dengan adil dan memberikan manfaat maksimum kepada mereka yang memerlukan di seluruh negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian kecil umat Islam yang tidak membuat pembayaran zakat melalui LZS melalui amil yang ditetapkan, sebaliknya menyerahkan secara langsung kepada asnaf. Oleh itu, Sultan Selangor telah mengarahkan umat Islam di Selangor untuk menyalurkan zakat kepada Lembaga Zakat Selangor (Zakat Selangor), yang bertanggungjawab dalam mengumpul dan mengagihkan zakat kepada asnaf yang layak dan mengikut hukum syarak, bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan ketidakadilan terhadap asnaf yang lain.

ii. Pengagihan zakat kepada komuniti bukan Islam

Agihan zakat kepada asnaf adalah penyaluran sumber zakat kepada golongan yang memerlukan menurut syariat Islam. Ini melibatkan penentuan dengan teliti dan adil terhadap golongan asnaf yang termaktub dalam hukum Islam, seperti fakir miskin, asnaf mu'alaf, amil, dan sebagainya. Agihan zakat ini bertujuan untuk meringankan beban hidup asnaf, memastikan kesejahteraan mereka, dan mencapai objektif zakat yang melibatkan keadilan sosial dan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh (Mohd Rsuydi & Luqman, 2016). Walau bagaimanapun, timbul isu mengenai persoalan keperluan agihan zakat kepada komuniti bukan Islam sehingga menimbulkan perselisihan dalam kalangan umat Islam.

Justeru, bagi menyelesaikan isu berkaitan dan meredakan kegusaran dalam kalangan umat Islam, Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam telah menitahkan bahawa kutipan agihan zakat seharusnya diberikan kepada lapan golongan asnaf yang berhak menurut hukum syarak. Berdasarkan ketetapan syarak juga, Sultan menegaskan juga bahawa pengagihan zakat kepada komuniti bukan Islam adalah dibenarkan sekiranya tindakan tersebut dapat menjadi sebab orang bukan Islam tersebut memeluk agama Islam. Golongan seperti ini boleh dikategorikan sebagai asnaf *Mu'allafati Qulubuhum* (Berita Harian, 2019).

4. Penutup

Sebagai kesimpulan, kertas kerja ini menegaskan bahawa dalam konteks perundangan di Malaysia, raja-raja Melayu mempunyai peranan yang sangat penting dalam agama Islam. Raja-raja atau Sultan tidak hanya terlibat dalam urusan pentadbiran negeri, tetapi juga bertanggungjawab untuk menentukan arah dan status agama Islam serta memantau perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Baginda menjadi penentu utama dan pelindung bagi agama Islam di Malaysia secara keseluruhannya, dan khususnya di negeri tersebut. Di Selangor, kuasa Sultan sebagai ketua agama Islam adalah sangat penting dalam menangani isu-isu berkaitan masjid dan zakat. Melalui nasihat daripada institusi-institusi agama menerusi penyelidikan dan tindakan efektif oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab, baginda dapat memberikan sumbangan yang berkesan untuk memastikan masjid berfungsi dengan baik dan zakat disalurkan secara efisien kepada mereka yang memerlukan. Maka jelas bahawa peranan ketua agama Islam yang didokong oleh raja-raja Melayu ini bukan hanya terhad kepada aspek keagamaan, tetapi juga turut memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial dan kesejahteraan umat Islam keseluruhannya.

RUJUKAN

- A. Aziz, S. (2013). Kedaulatan Islam Sebagai Agama Negara—Peranan Raja-raja Melayu Berpaksi Perlembagaan Persekutuan. Kertas Kerja Seminar Mendaulatkan Islam Agama Negara. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT) dan JAKIM. 5 Januari 2013.
- Abas, S. (1985). *Unsur-unsur Tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Bustami, T. A. (2005). Bidang Kuasa Mahkamah Syairah dalam Kes Pewarisan: Satu Analisis Kritikal ke Atas Kes Jumaaton Iwn. Raja Hizaruddin. dlm. Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal, et al. (Ed). *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bari, A. A. (2005). *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Che Pa, B. (2005). Ketua Negara Mengikut Konsep Islam dan Realiti Semasa di Malaysia. *Jurnal Syariah*. 13:1. 1-22
- Che Pa, Bh. (2012). Institusi raja dan peranannya terhadap penyebaran Islam di Alam Melayu Nusantara / Dr. Bharuddin Che Pa. In: *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei.
- Dimon, Z., Abu Bakar, S., Abd. Majid., M. (2022). Pentauliahkan Pengajaran Agama Di Masjid Dan Surau: Tinjauan Ringkas Undang-Undang Islam Di Malaysia. *Al-Mimbar Journal*. Dec. 2023. 11-26
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
- Jalil, M. H. & Ali @ Buraidah, M. H. (2016). Menilai Isi Kandungan Ceramah: Kajian Kes Penceramah Yang Ditauliahkan Oleh Jabatan Agama Islam Selangor. *Jurnal Reflektika*. Vol. 12, No 12, 1 – 13

- Jusoh, H. (1992). *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-kes Konversi dalam Undang-undang Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keperluan tauliah demi pelihara agama Islam–Sultan Selangor. 2023. *Sinar Harian*. 10 Mac. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/249105/edisi/selangor>
- Md Zain, R. (2023). Sultan Selangor titah masjid sedia kelengkapan ict rekod dan pantau aktiviti ceramah. 2 Mac 2023. *Berita Harian Online*. 2 Mac Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/>
- Megat Latif, H. & Abdullah, C. A. (2008). Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Kewajaran berdasarkan Faktor Kesultanan Melayu. *REKAYASA Journal of Ethics, Legal and Governance*. 4. 1-12
- Mohamad Hashim, M. & Samuri, M. A. (2017). Sorotan Literatur Kuasa Sultan dalam Kehakiman Islam. *Islamiyyat*. 39(1). 11-20
- Mohd Kamal, M. H. (2007). Kedudukan dan Peranan Raja-raja dalam Pentadbiran Agama Islam dalam Mahamad Arifin et al. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim, N. & Buang, A. H. (2017). Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 10(2). Retrieved from <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/68>
- Muslim, N. (2014). Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam Memelihara Kedudukan Islam dari Sudut Perlembagaan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*. 2(2), 2014: 121 - 127
- Nasohah, Z. (2004). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Nasohah, Z. (2018). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Peruntukan Akta dan Enakmen*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Perlembagaan Persekutuan
- Ramli, M. R., & Abdullah, L. (2016). Agihan Zakat Terus Kepada Asnaf: Analisis Fiqh Dan Kedudukannya Di Malaysia: *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 10, 86–100. <https://doi.org/10.51200/ljms.v10i.2578>
- Rosele, M. I., Abdul Rahim, R. A. & Wan Ali, W. Z. K. (2018). Peranan Sultan Dalam Perkembangan Islam Di Negeri Pahang. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 29, 2018. 51-77
- Rosele. M. I., Abdullah, L. Ismail, P. & Ramli, M. A. (2013). Konflik Fatwa di Malaysia. *Jurnal Fiqh*. 10 (2013). 31 – 56
- Thukiman, K., Abdul Rahman, H. & Suaibah. (2009). *Perlembagaan Malaysia dalam Perspektif Hubungan Etnik* [e-book]. Diakses daripada <http://eprints.utm.my/14767/>
- Wan Husain, W. A. F., Che Ngah, A. & Omar Din, M. A. (2017). Islam Agama bagi Persekutuan: Satu Kajian Sejarah Perundangan. *Akademika*. Oktober 2017. 87(3). 179-195
- Yaacob, A. M. (2015). *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*. Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia.